

152  
NO. SOALAN: 354

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN [  
TANJONG MANIS ]**

**NO. SOALAN : 354**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah program yang akan dilaksanakan di Sarawak untuk menggalakkan usahawan digital meningkatkan perniagaan mereka berikutan Bancian Ekonomi 2016 yang menunjukkan transaksi e-Dagang perniagaan kepada pengguna bernilai RM73.7 bilion dan dijangka terus meningkat setiap tahun

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui agensinya Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak bagi melaksanakan program Digital Kenyalang.

62

Di bawah program Digital Kenyalang ini, MDEC menerusi program eUsahawan menyediakan program latihan keusahawan digital bagi membantu usahawan sedia ada dan baru untuk meningkatkan pendapatan mereka. Program eUsahawan ini memberi pendedahan dan pengetahuan kepada golongan usahawan belia dan mikro di negeri Sarawak mengenai peluang serta kaedah pemasaran secara digital menggunakan media sosial. Antara ilmu dan teknik keusahawan digital yang diajar merangkumi topik-topik seperti *social media marketing*, *mobile commerce*, analisis data untuk memperbaiki keberkesanan pemasaran secara digital, bayaran di atas talian, pengiklanan digital dan juga keselamatan siber.

Program ini disampaikan dalam bentuk kursus yang dijalankan di pusat-pusat Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) awam serta pusat-pusat komuniti setempat seperti Pusat Internet 1Malaysia yang terpilih di seluruh Sarawak.

MDEC mensasarkan untuk melatih sebanyak 10,000 peserta di negeri Sarawak dan Sabah pada tahun 2018. Sejak Januari 2016 sehingga Disember 2017, sejumlah 5,030 usahawan muda dan desa telah mengikuti latihan dan kursus eUsahawan di Sarawak.

**SOALAN ( 355 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.  
RAHMAN  
[TANJONG MANIS]**

**SOALAN :**

**YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN [TANJONG MANIS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi untuk menggunakan statistik bahawa lebih ramai rakyat Malaysia bercuti ke luar negara dan telah berbelanja RM33.5 bilion pada tahun 2016 berbanding RM31.5 bilion pada tahun 2015, sebagai salah satu tanda aras bagi ekonomi Malaysia.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rakyat Malaysia sedang menikmati kemakmuran berikutan pembangunan yang pesat. Bagi tempoh 2010-2017, ekonomi negara telah berjaya mencatatkan pertumbuhan secara puratanya sebanyak 5.5% setahun. Hasil dari pertumbuhan positif ini telah dapat diagihkan kepada semua lapisan rakyat. Sumbangan pampasan pekerja telah bertambah daripada 31.7% kepada KDNK pada 2010 kepada 35.3% pada 2016. Dalam tempoh yang sama, pendapatan isi rumah bulanan purata pula telah meningkat sebanyak 8.1% setahun daripada RM4,025 pada 2009 kepada RM6,958 pada tahun 2016. Pendapatan kumpulan berpendapatan 40% terendah (B40) juga telah meningkat sebanyak 10.2% setahun daripada RM1,440 sebulan pada 2009 kepada RM2,848 sebulan pada 2016. Oleh itu, kadar kemiskinan mutlak negara telah terus dapat dikurangkan daripada 3.8% kepada jumlah isi rumah pada 2009 kepada hanya 0.4% pada 2016. Manakala Indeks Kesejahteraan Malaysia turut bertambah baik bagi kedua-dua komponen ekonomi dan sosial dalam tempoh yang sama.

Selari dengan peningkatan pendapatan isi rumah, kuasa beli rakyat yang telah meningkat turut mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah. Purata bahagian perbelanjaan isi rumah ke atas kumpulan perkhidmatan rekreasi, kebudayaan, restoran dan hotel telah meningkat kepada 18.4% daripada jumlah perbelanjaan isi rumah pada 2016 berbanding 15.5% pada 2009. Golongan B40 juga tidak terkecuali dari trend ini di mana bahagian perbelanjaan yang sama telah meningkat dari 12.7% pada 2009 kepada 15.3% pada 2016.

Salah satu petunjuk kemewahan ini ialah perbelanjaan ke atas aktiviti pelancongan. Berdasarkan data yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sejumlah RM33,504.7 juta telah dibelanjakan oleh rakyat Malaysia untuk bercuti di luar negara pada 2016, iaitu peningkatan sebanyak 7.8% berbanding RM31,093.8 juta yang dibelanjakan pada 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Kini, peluang bercuti ke luar negeri mampu dinikmati oleh lebih ramai rakyat Malaysia dan tidak terhad kepada golongan berpendapatan tinggi semata-mata. Dengan kemajuan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi, maklumat pelancongan boleh diperolehi secara mudah

melalui pelbagai platform, seperti dalam talian dan aplikasi mudah alih. Di samping itu, kemunculan perkhidmatan penerbangan tambang murah serta pakej pelancongan yang menawarkan tambang dan penginapan yang lebih kompetitif telah menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia bercuti di dalam mahu pun ke luar negeri. Pada masa ini juga, rakyat Malaysia boleh menikmati perjalanan tanpa visa ke 164 buah negara (termasuk wilayah) yang turut memudahkan urusan pelancongan ke luar negeri.

Sekian. Terima kasih.

Mac 2018